

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI  
KAMARUDDIN  
(AMPANG)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN [ AMPANG ]**

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang dilakukan oleh pihak Kementerian bagi majikan yang tidak mendaftar KWSP bagi pekerja-pekerja mereka.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Seksyen 43 (1) memperuntukkan bahawa setiap pekerja dan majikan adalah bertanggungjawab untuk mencarum mengikut kadar berkanun sepertimana yang ditetapkan di bawah Jadual Ketiga Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) 1991, manakala Seksyen 43 (3) memperuntukkan bahawa majikan atau pekerja boleh memilih untuk

mencarum melebihi kadar caruman berkanun.

Untuk makluman, prosedur pendaftaran pekerja sebagai ahli KWSP boleh dibuat dalam 3 kaedah, seperti berikut :

- (i) Pekerja hadir ke kaunter KWSP;
- (ii) Majikan mendaftarkan pekerja berkenaan; dan
- (iii) Pendaftaran sebagai ahli KWSP dibuat secara automatik (*auto-registration*) jika caruman pertama yang diterima oleh KWSP daripada majikan melalui Borang A. Seterusnya, KWSP akan membuat semakan nombor pengenalan diri ahli dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab majikan untuk mendaftar mana-mana orang yang menjadi pekerjanya sebagai ahli KWSP mengikut tafsiran akta dengan serta-merta. Hal ini kerana kegagalan untuk berbuat demikian adalah merupakan satu kesalahan dan jika disabitkan boleh dipenjara selama satu tempoh yang tidak melebihi tiga (3) bulan atau didenda tidak melebihi RM1,000 atau kedua-duanya sekali (di bawah Kaedah 59 Kaedah-Kaedah KWSP 1991). Selain itu, KWSP juga secara berterusan melaksanakan pelbagai program pendidikan, kesedaran, latihan, promosi dan lain-lain untuk meningkatkan kesedaran pekerja menjadi ahli KWSP bagi kepentingan persaraan mereka.